

19/04/1997

Loji penuh keperluan bekalan air di Tawau

TAWAU, Jumaat - Loji penapis air Cinta Mata di Jalan Gudang Empat, 15 kilometer dari sini yang dijadualkan siap sepenuhnya September ini, dapat memenuhi keperluan bekalan air Tawau untuk tempoh beberapa tahun akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka merasmikan projek bernilai RM140 juta itu.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Abdul Ghapur Salleh, berkata sehingga kini 90 peratus daripada projek pembinaan loji itu siap, malah sudah pun membekalkan air ke beberapa kawasan di sini.

"Ketika ini loji itu membekalkan kira-kira 65 juta liter air sehari kepada penduduk tempatan, melebihi jangkakan asal 40 juta liter air.

"Apabila siap sepenuhnya nanti, ia dijangka membekalkan 84 juta liter air sehari kepada pengguna di seluruh daerah ini," katanya kepada pemberita selepas meninjau loji penapis air itu, petang semalam.

Turut sama dalam tinjauan itu ialah Pengerusi Eksekutif Jetama Sdn Bhd, Datuk Victor Paul serta Pengurus Operasi Timatech Sdn Bhd, Geraint E Lewis.

Upacara pecah tanah projek itu dilakukan pada April 1995 dan mengikut perancangan awal, ia akan siap pada 1999.

Ghapur yang juga Menteri Kewangan negeri berkata, projek itu dapat disiapkan lebih awal kerana adanya komitmen bersungguh-sungguh kontraktor yang diberi tanggungjawab.

"Keupayaan kontraktor menyiapkannya lebih awal adalah sesuatu yang membanggakan. Penyiapan awal ini diharap dapat menampung permintaan bekalan air yang meningkat sekarang ekoran pertumbuhan pesat ekonomi," katanya.

Menurutnya, usaha memberi kemudahan asas terbaik kepada penduduk tempatan itu sekali gus membuktikan iltizam Barisan Nasional (BN) Sabah dan Umno, sebagai tulang belakang kerajaan, untuk membangunkan rakyat negeri ini.

Katanya, penyiapan awal projek itu bukan saja mempercepatkan proses memberi kemudahan asas kepada rakyat, malah menjimatkan wang kerajaan.

Dalam pada itu, Ghapur berkata, kerajaan negeri merancang membina beberapa loji penapis air di bahagian Tawau pada masa depan selain loji di Merotai yang bernilai RM20 juta.

(END)